

9 Mac 2007

<p>Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)</p>	<p>Standard Pengiktirafan Pusat Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran</p>	<p>No. Dokumen : JKPPPS/2</p>
<div data-bbox="489 614 861 877" data-label="Image"></div> <div data-bbox="202 1047 1126 1170" data-label="Section-Header"><p>STANDARD PENGIKTIRAFAN SEBAGAI PUSAT PEPERIKSAAN PERSIJILAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN</p></div> <div data-bbox="380 1309 951 1487" data-label="Text"><p>LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor</p></div> <div data-bbox="408 1523 924 1589" data-label="Text"><p>Tel.: 603-89267699 Fax.: 603-89223685 http://www.aelb.gov.my</p></div>		

Standard Pengiktirafan Pusat Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran ini telah disemak semula oleh Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran. Ahli jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- | | | | |
|------|--|---|--------------------------------|
| i. | Prof. Dr. Ismail bin Bahari
(Pengerusi) | - | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| ii. | Prof. Dr. Hj. Abd. Aziz bin Tajuddin | - | Universiti Sains Malaysia |
| iii. | Dr. Azmi bin Idris | - | SIRIM Berhad |
| iv. | Dr. Azali bin Muhammad | - | Agensi Nuklear Malaysia |
| v. | Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Mohd. Ali | - | Agensi Nuklear Malaysia |
| vi. | En. Mohamed Nor bin Osman | - | Petronas Nasional Berhad |
| vii. | En. Bazli bin Sapiin | - | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| ix. | En. Mohd. Pauzi bin Mohd. Sobari | - | Lembaga Perlesenan Tenaga Atom |
| x. | Pn. Monalija bt. Kostor
(Setiausaha) | - | Lembaga Perlesenan Tenaga Atom |

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Skop	4
2. Singkatan	4
3. Tafsiran	4 - 5
4. Syarat Mendapatkan Pengiktirafan Sebagai Pusat Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran	5 - 7
5. Prosedur Mendapatkan Pengiktirafan Sebagai Pusat Peperiksaan	7 - 8
6. Tanggungjawab Pusat Peperiksaan	8 - 9
7. Maklumat Tambahan	9
Lampiran 1 - Borang Permohonan Pusat Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Borang JKPPPS/2 Sem. 1)	
Lampiran 2 - Borang Permohonan Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Borang JKPPPS/1 Sem. 4)	

1. SKOP

Standard Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran [LEM/TEK/44 Sem. 2 (BAHAGIAN A) (No. Dokumen : JKPPPS/1)] telah menetapkan bahawa calon yang ingin memohon untuk menduduki Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran hendaklah mengambil peperiksaan di Pusat Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran yang diluluskan oleh JKPPPS dan diiktiraf oleh AELB.

Standard ini merangkumi proses mendapatkan pengiktirafan sebagai Pusat Peperiksaan di samping menggariskan prosedur Peperiksaan Persijilan PPS beserta dengan syarat, tanggungjawab dan proses yang perlu dipatuhi.

Standard ini hendaklah digunapakai bersama-sama dengan Prosedur Pengendalian Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran [LEM/TEK/44 Sem. 1 (BAHAGIAN E) (No. Dokumen : JKPPPS/5)].

2. SINGKATAN

Singkatan perkataan yang digunakan dalam Standard ini mempunyai makna seperti berikut:

- 2.1 AELB adalah *Atomic Energy Licensing Board* yang membawa makna Lembaga Perlesenan Tenaga Atom;
- 2.2 JKPPPS adalah Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran; dan
- 2.3 PPS adalah Pegawai Perlindungan Sinaran.

3. TAFSIRAN

3.1 Pusat Peperiksaan

Pusat Peperiksaan adalah Pusat Peperiksaan Persijilan PPS iaitu tempat yang telah diiktiraf oleh AELB bagi menjalankan Peperiksaan Persijilan PPS.

3.2 Agensi Latihan

Agensi Latihan adalah Agensi Latihan PPS iaitu agensi yang telah diiktiraf oleh AELB bagi mengendalikan latihan kepada calon PPS seperti yang diperjelaskan dalam LEM/TEK/44 Sem. 1 (BAHAGIAN C).

3.3 Peperiksaan

Peperiksaan bermaksud Peperiksaan Persijilan PPS.

3.4 Jurutunjuk Teknikal

Mana-mana staf sokongan teknikal yang berdaftar daripada Pusat Peperiksaan atau daripada Agensi Latihan yang diiktiraf oleh AELB untuk membantu Ketua Pengawas dalam mengendalikan Peperiksaan Amali (Makmal) Peperiksaan Persijilan PPS.

4. **SYARAT MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN SEBAGAI PUSAT PEPERIKSAAN PERSIJILAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN**

A. Syarat Utama

Sesuatu syarikat/agensi layak dipertimbangkan untuk menjadi Pusat Peperiksaan jika memenuhi syarat berikut:

4.1 Organisasi dan Pengurusan

- 4.1.1 Hendaklah ditubuhkan secara sah di bawah undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan.
- 4.1.2 Mempunyai kuasa dan mandat untuk melaksanakan tugas sebagai Pusat Peperiksaan daripada pihak pengurusan atasan.
- 4.1.3 Mempunyai seorang Pengurus Peperiksaan dan Penolong Pengurus Peperiksaan yang akan bertanggungjawab terhadap segala aktiviti peperiksaan.
- 4.1.4 Mempunyai Program Perlindungan Sinaran yang berkaitan dengan bidang peperiksaan yang dipohon.
- 4.1.5 Mempunyai PPS dalam bidang persijilan berkaitan dengan peperiksaan yang akan dijalankan.

4.2 Staf Sokongan Teknikal

- 4.2.1 Staf sokongan teknikal hendaklah seorang Pekerja Sinaran daripada Pusat Peperiksaan yang diiktiraf oleh AELB.
- 4.2.2 Bilangan staf sokongan teknikal ini hendaklah mencukupi (minimum seorang staf bagi setiap 12 orang calon).

- 4.2.3 Staf sokongan teknikal hendaklah mempunyai kelayakan akademik, pengalaman, latihan serta pengetahuan teknikal yang bersesuaian dengan bidang peperiksaan yang dipohon.
- 4.2.4 Staf sokongan teknikal hendaklah diluluskan oleh JKPPPS untuk membantu mengendalikan Peperiksaan Amali (Makmal) Peperiksaan Persijilan PPS.

4.3 Kemudahan dan Peralatan

- 4.3.1 Mempunyai/menyediakan kemudahan fizikal seperti tempat, kelengkapan dan peralatan yang diluluskan oleh JKPPPS dan diiktiraf oleh AELB yang mencukupi bagi mengendalikan peperiksaan:
 - a) Untuk Peperiksaan Teori:
 - i. Bilik peperiksaan hendaklah boleh menempatkan sekurang-kurangnya 12 orang calon.
 - ii. Keluasan minimum bilik peperiksaan hendaklah 2.25 meter persegi untuk seorang calon.
 - b) Untuk Peperiksaan Amali:
 - i. Pusat Peperiksaan hendaklah mempunyai bilik pendaftaran/menanti untuk Peperiksaan Amali yang boleh menempatkan sekurang-kurangnya 12 orang calon.
 - ii. Untuk Peperiksaan Makmal, bilik peperiksaan hendaklah mempunyai maksimum satu stesyen bagi setiap 4 orang calon dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 stesyen.
 - iii. Untuk Peperiksaan Bertulis, bilik peperiksaan hendaklah boleh menempatkan sekurang-kurangnya 12 orang calon.
 - iv. Keluasan minimum bilik Peperiksaan Bertulis hendaklah 2.25 meter persegi untuk seorang calon.
- 4.3.2 Memastikan semua peralatan yang digunakan untuk peperiksaan hendaklah sentiasa berada dalam keadaan berfungsi dengan baik dan sentiasa disenggara. Dokumen penyenggaraan dan sijil tentukan alat

hendaklah disimpan dengan sempurna dan mudah diperolehi apabila diperlukan; dan

- 4.3.3 Mempunyai/menyediakan segala dokumen seperti arahan bertulis, manual operasi alat, dan lain-lain yang akan digunakan untuk tujuan peperiksaan, yang diperakukan oleh JKPPPS.

B. Syarat Tambahan

- 4.4 Pusat Peperiksaan Teori dan Amali yang telah diluluskan tempatnya tidak boleh dipindah tempat kecuali setelah mendapat kelulusan tambahan daripada AELB terlebih dahulu bagi setiap peperiksaan yang akan diadakan. Permohonan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh peperiksaan diadakan. Syarat kelulusan tambahan ini hendaklah mematuhi syarat di Para 4.3.
- 4.5 Pusat Peperiksaan yang ingin mengadakan peperiksaan dalam bidang baru persijilan PPS, hendaklah mengemukakan permohonan pindaan lesen yang lengkap kepada Ketua Pengarah AELB.
- 4.6 Pusat Peperiksaan yang telah diiktiraf oleh AELB boleh dibatalkan lesennya oleh Ketua Pengarah AELB atas nasihat JKPPPS jika didapati tidak memenuhi atau melanggar sebarang peraturan dan peruntukkan yang telah ditetapkan di bawah syarat pengiktirafan Pusat Peperiksaan.

5. PROSEDUR MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN SEBAGAI PUSAT PEPERIKSAAN

5.1 Cara Memohon

Agensi yang ingin memohon untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai Pusat Peperiksaan hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap dengan menggunakan Borang JKPPPS/2 Sem. 1 (sila lihat **Lampiran 1**), beserta lampiran yang berkaitan kepada AELB untuk mendapatkan lesen Kelas H.

Borang JKPPPS/2 Sem. 1 boleh diperolehi daripada AELB.

5.2 Penilaian Permohonan dan Pengiktirafan

- 5.2.1 JKPPPS akan menilai permohonan bagi pihak AELB dan jika perlu akan membuat lawatan penilaian ke agensi pemohon. Permohonan yang diluluskan akan diperakukan oleh JKPPPS kepada AELB untuk pengiktirafan. Keputusan pengiktirafan sebagai Pusat Peperiksaan adalah tertakluk kepada AELB.

AELB akan mengeluarkan lesen Kelas H kepada agensi yang diiktiraf sebagai Pusat Peperiksaan. Lesen yang dikeluarkan akan mengandungi antara lain maklumat-maklumat berikut:

- a) No. lesen;
- b) Nama dan alamat Pusat Peperiksaan;
- c) Alamat tempat peperiksaan yang diluluskan;
- d) Bidang peperiksaan yang diluluskan;
- e) Tempoh sah lesen Kelas H;
- f) Tandatangan Setiausaha Eksekutif Lembaga; dan
- g) Meterai rasmi AELB.

5.3 Tempoh Pengiktirafan

5.3.1 Agensi yang layak boleh diiktiraf sebagai Pusat Peperiksaan bagi tempoh maksimum selama 3 tahun. Walau bagaimanapun, AELB berhak menarik balik pengiktirafan tersebut jika Pusat Peperiksaan gagal mematuhi atau melanggar syarat yang ditetapkan oleh AELB.

5.3.2 Pusat Peperiksaan hendaklah mengendalikan peperiksaan dalam bidang persijilan yang telah diluluskan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Kegagalan memenuhi atau melanggar syarat ini boleh menyebabkan lesen Kelas H untuk pengiktirafan sebagai Pusat Peperiksaan ditarik balik.

5.4 Pengiktirafan Semula

Pusat Peperiksaan yang berhasrat untuk memohon pembaharuan pengiktirafan perlu mengemukakan permohonan kepada AELB dalam tempoh 3 bulan sebelum tamat tempoh pengiktirafan.

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang JKPPPS/2 Sem. 1 (sila lihat **Lampiran 1**) yang boleh diperolehi daripada AELB.

Pengiktirafan semula boleh diberi untuk tempoh maksimum 3 tahun selanjutnya tertakluk kepada keputusan AELB.

5.5 Tambahan Bidang Peperiksaan

Pusat Peperiksaan boleh mengemukakan permohonan pindaan lesen yang lengkap kepada AELB sekiranya ingin menambah bidang persijilan yang telah diluluskan, dengan mengemukakan permohonan menggunakan Borang JKPPPS/2 Sem. 1 (sila lihat **Lampiran 1**) yang boleh diperolehi daripada AELB.

6. TANGGUNGJAWAB PUSAT PEPERIKSAAN

- 6.1 Mengadakan peperiksaan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh JKPPPS sahaja.
- 6.2 Memastikan semua dokumen, prosedur dan soalan peperiksaan yang disediakan oleh JKPPPS sahaja digunakan.
- 6.3 Menyediakan peralatan dan kelengkapan seperti yang dinyatakan dalam Para 4.3 yang mencukupi untuk tujuan peperiksaan.
- 6.4 Memastikan hanya Staf Sokongan Teknikal yang diiktiraf oleh AELB sahaja yang terlibat mengendalikan peperiksaan (teori dan amali).
- 6.5 Memastikan tiada penyimpanan atau penyalinan semula dalam apa jua bentuk, segala soalan yang digunakan untuk tujuan peperiksaan.

7. MAKLUMAT TAMBAHAN

Keperluan Standard ini tertakluk kepada perubahan oleh JKPPPS dan AELB dari semasa ke semasa.